



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
SELASA 26 JANUARI 2021**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2. 3.	SEMAK SEMULA PERATURAN BOLEHKAN JPV AMBIL TINDAKAN PEMILIK HAIWAN, NASIONAL, BH -19 AMBIL TINDAKAN PENTERNAK BIAR HAIWAN BERKELIARAN, LOKAL, HM -22 BERI KUASA JPV TANGANI HAIWAN TERNAKAN BERKELIARAN, NEGARA, KOSMO -6	JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (JPV)
4.	100 GUNI BENIH KERANG GAGAL DISELUDUP, NEGARA, KOSMO -17	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
5.	BUAT LAPORAN JIKA HARGA BENIH PADI LEBIH RM35 SEKAMPIT, NASIONAL, BH -18	PERTUBUHAN PELADANG KEBANGSAAN (NAFAS)
6. 7. 8. 9.	OKU TANPA TANGAN TERNAK IKAN KELI, WARNA-WARNI KEHIDUPAN, SH -19 MARA PERLU TUMPU PERTANIAN, FORUM, UM -19 JANA REZEKI HASIL TERUNG FERTIGASI, GAYA TANI, UM -24 TUAIAN SULUNG 700KG, GAYA TANI, UM -25	LAIN-LAIN

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
26/1/2021	BERITA HARIAN	NASIONAL	19

Semak semula peraturan bolehkan JPV ambil tindakan pemilik haiwan

Kuala Terengganu: Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) diminta menyemak semula peraturan atau enakmen bagi membolehkan tindakan tegas diambil terhadap pemilik haiwan yang membiarkan ternakan mereka berkeliaran terutama di Lebuhraya Pantai Timur 2 (LPT2).

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Makanan, Perladangan, Komoditi dan Pembangunan Luar Bandar Terengganu, Dr Azman Ibrahim, berkata ketika ini hanya pihak berkuasa tempatan (PBT) di setiap daerah yang boleh mengambil tindakan ke atas haiwan berkeliaran dan bukannya JPV.

Beliau berkata, berdasarkan Arahan Protokol JPV Malaysia, semua ternakan yang berdaftar diwajibkan memakai tanda pengenalan.

"Isunya kesedaran dalam kalangan sesetengah pemilik yang mengambil mudah dengan tidak mempraktikkan peraturan tersebut, malah mereka mengamalkan sistem lepas bebas.

"Ini menimbulkan banyak masalah antaranya risiko penyakit berjangkit, pencemaran dan yang lebih teruk mendatangkan risiko kemalangan yang boleh meragut nyawa manusia dan haiwan itu sendiri seperti yang berlaku di LPT2 baru-baru ini," katanya dalam satu kenyataan semalam.

Dalam kemalangan pada malam Sabtu lalu, dua kereta rosak teruk selepas terlanggar sembilan ekor lembu yang berkeliaran di Kilometer 291.1 LPT2 berhampiran Kijal, Kemaman dan kesemua haiwan itu mati akibat dirempuh.

BERNAMA



PENGUAT kuasa Majlis Daerah Hulu Terengganu (MDHT) dan kakitangan Lebuhraya Pantai Timur 2 (LPT2) menangkap lembu yang berkeliaran pada Ops Bersepadu Tangkapan Haiwan Berkeliaran LPT2.

Ambil tindakan penternak biar haiwan berkeliaran

Kuala Terengganu: Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) diminta menyemak semula peraturan atau enakmen bagi membolehkan tindakan tegas diambil terhadap pemilik haiwan yang membiarkan ternakan mereka berkeliaran terutama di Lebuhraya Pantai Timur 2 (LPT2).

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Makanan, Perladangan, Komoditi dan Pembangunan Luar Bandar Terengganu, Dr Azman Ibrahim berkata ketika ini hanya pihak berkuasa tempatan (PBT) di setiap daerah yang boleh mengambil tindakan ke atas haiwan berkeliaran dan bukan JPV.

Beliau berkata, berdasarkan Arahan Protokol JPV Malaysia, semua ternakan berdaftar diwajibkan me-

makai tanda pengenalan.

"Isunya kesedaran dalam kalangan sesetengah pemilik yang mengambil mudah dengan tidak mempraktikkan peraturan, malah mereka mengamalkan sistem lepas bebas.

"Ini menimbulkan banyak masalah seperti risiko penyakit berjangkit, pencemaran dan lebih teruk mendatangkan kemalangan yang meragut nyawa manusia dan haiwan seperti yang berlaku di LPT2 baru-baru ini," katanya dalam kenyataan, semalam.

Dalam kemalangan pada malam Sabtu lalu, dua kereta rosak teruk selepas terlanggar sembilan lembu yang berkeliaran di Kilometer 291.1 LPT2 berhampiran Kijal, Kemaman dan semua haiwan itu mati akibat dirempuh. - Bernama

Beri kuasa JPV tangani haiwan ternakan berkeliaran

KEMAMAN - Kerajaan Negeri Terengganu mencadangkan agar Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) diberi lebih kuasa untuk mengambil tindakan tegas terhadap penternak yang membiarkan haiwan peliharaan mereka berkeliaran di Lebu Raya Pantai Timur 2 (LPT2).

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Industri Makanan, Perladangan, Komoditi dan Pembangunan Luar Bandar Terengganu, Dr. Azman Ibrahim berkata, buat masa ini, hanya pihak berkuasa tempatan (PBT) mempunyai kuasa untuk menangkap haiwan berkeliaran dan dilihat masih lagi belum memadai.

"Haiwan yang berkeliaran tidak dianggap sebagai haiwan ternakan dalam istilah penternakan dan keadaan itu memberi masalah untuk tindakan penguatkuasaan.

"Masalah timbul apabila segelintir penternak mengamalkan sistem lepas bebas membiarkan haiwan ternakan mereka berkeliaran sehingga memasuki lebu raya (LPT2)," katanya ketika dihubungi *Kosmo!* di sini semalam.

Beliau mengulas laporan *Kosmo!* semalam tentang kemalangan disebabkan haiwan



KERATAN *Kosmo!* semalam.

ternakan semakin menjadi-jadi di LPT2 termasuk melibatkan dua kereta yang merempuh sembilan ekor lembu di KM 291.1 di Kijal, pada Jumaat lalu.

Ketua Polis Daerah Kemaman, Superintendan Hanyan Ramlan memberitahu, tindakan penguatkuasaan mengikut Seksyen 289 Kanun Keseksaan sukar dilaksanakan kerana tidak diketahui pemiliknya ekor haiwan itu tidak ditag.

Katanya, enakmen dan peraturan perlu ditambah baik bagi memberi kuasa kepada JPV untuk menguatkuasakan undang-undang terhadap haiwan ternakan berkeliaran.

Azman berkata, haiwan ternakan yang dilepas bebas bukan sahaja boleh menyebabkan kemalangan, malah berisiko dihidang penyakit berjangkit.

HAIWAN peliharaan yang berkeliaran di atas LPT 2 hingga merisikokan keselamatan pengguna lebu raya.



100 guni benih kerang gagal diseludup

Oleh MOHD. YUNUS YAKKUB

SABAK BERNAM – Cubaan kali pertama seorang pemandu lori disyaki bagi menyeludup 100 guni benih kerang seberat 1.7 tan dengan upah RM250 gagal selepas diberkas di Simpang 3, Sungai Lang, Sekinchan di sini baru-baru ini.

Penangkapan suspek berusia 30-an itu dilakukan kira-kira pukul 12.30 tengah hari pada Sabtu lalu selepas Cawangan Perlindungan Sumber (CPS) Pelabuhan Klang, Jabatan Perikanan Selangor mengesan lori tersebut dalam keadaan mencurigakan di kawasan berkenaan.

Pengarah Perikanan Selangor, Abdul Rahman Abdul Wahab berkata, siasatan awal mendapati pemandu lori tersebut dibayar kira-kira RM250 bagi sekali perjalanan membawa benih-benih kerang yang disyaki dicuri di sepanjang perairan pantai daerah ini.

Katanya, siasatan turut mendapati ini merupakan kali pertama pemandu lori tersebut cuba menyeludup benih kerang berkenaan.

"Hasil pemeriksaan menemui sebanyak 100 guni benih kerang seberat 1.7 tan di bahagian belakang lori tersebut yang dibawa tanpa sebarang dokumen sah daripada Jabatan Perikanan.

"Berat seguni benih kerang itu adalah 17 kilogram dengan nilai rampasan termasuk lori di-



SEBANYAK 100 guni benih kerang (gambar atas) seberat 1.7 tan yang dirampas di Sekinchan oleh Jabatan Perikanan Selangor baru-baru ini.

anggarkan RM150,000," katanya ketika dihubungi Kosmo! di sini semalam.

Katanya, kegiatan mencuri benih kerang penyeludupan ini kebiasaannya dilakukan mengikut musim benih kerang di Selangor antara pertengahan Novem-

ber hingga Februari tahun ini.

Difahamkan benih kerang itu kemudlan diseludup ke Thailand.

Tegasnya, kesemua barang rampasan termasuk suspek kini ditahan sementara di Pusat Tahanan Vesel Kuala Selangor untuk siasatan.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
26/1/2021	BERITA HARIAN	NASIONAL	18

Buat laporan jika harga benih padi lebih RM35 sekampit

Bagan Serai: Kerajaan Perak meminta petani melaporkan kepada pihak berkuasa, jika mendapati harga benih padi yang dibeli mereka untuk musim menanam akan datang lebih tinggi, berbanding harga siling RM35 sekampit (20 kilogram).

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Perladangan dan Industri Makanan Perak, Razman Zakaria, berkata ini bagi membolehkan pihak berkuasa mengambil tindakan terhadap mereka yang mengambil kesempatan menjual benih padi sah pada harga tinggi seperti sebelum ini.

"Penetapan harga siling itu dilakukan kerajaan agar tiada pihak memanipulasi dengan menaikkan atau menjual benih padi dengan harga yang tinggi," katanya ketika ditemui ketika melawat projek baik pulih rumah penduduk di Kampung Parit 3, Alor Setangok, Semangol, dekat sini semalam.

Razman yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Gunung Semangol, berkata kerajaan, menerusi Kementerian Pertanian dan Industri Makanan, juga telah melantik Pertubuhan Peladang Kebangsaan (NAFAS) sebagai pembekal benih padi sah untuk diedarkan di seluruh negara.

Mengenai program semalam, Razman berkata, projek baik pulih rumah itu sebelum ini tertangguh separuh jalan kerana pemilik adalah seorang wanita berumur 40-an mempunyai masalah kesihatan mental dan enggan memberikan kerjasama.

Sementara itu, Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan dan Komuniti Kampung Parit 3 Alor Setangok, Muhammad Hafizi Emran, berkata bantuan baik pulih rumah di bawah Baitulmal itu sepatutnya siap sepenuhnya pada penghujung tahun lalu. **BERNAMA**



Penetapan harga siling berkenaan dilakukan kerajaan agar tiada pihak memanipulasi dengan menaikkan atau menjual benih padi dengan harga yang tinggi.

Razman Zakaria,
Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Perladangan dan Industri Makanan Perak

26/1/2021

SINAR HARIAN

WARNA WARNI KEHIDUPAN

19

OKU tanpa tangan ternak ikan keli

Beralih usahakan ikan keli selepas pendapatan sebagai tukang jahit merosot susulan pandemik Covid-19

MACHANG

Meskipun dilahirkan tanpa kedua-dua belah tangan, Rahim Yusoff tidak mahu terus berpeluk tubuh menangkan nasib dirinya, malah berusaha mencari rezeki halal bagi menyara keluarga. Rahim, 54, yang lebih mesra dikenali sebagai Pok Su Mite berkata, beliau beralih angin untuk mengusahakan ternakan ikan keli selepas pendapatannya sebagai tukang jahit merosot susulan penularan wabak Covid-19 di Malaysia.

"Sejak penularan Covid-19 pada Mac lalu, pendapatan saya sebagai tukang jahit sangat merosot sehingga untuk mendapatkan sekitar RM100 sebulan hasil menjahit pun amat memetikkan berbanding sebelum ini, saya mampu memperoleh sekitar RM20 sehari.

"Disebabkan itu, saya terpaksa mencari alternatif lain dengan menternak ikan keli bagi menyara kehidupan bersama isteri, Noraidah Hamzah, 46 yang merupakan orang kurang upaya (OKU) fizikal dan tiga orang anak berusia antara lapan hingga 17 tahun," katanya di rumahnya di Kampung Bukit Pangkal Gong di sini baru-baru ini.

Bercerita lanjut, Rahim berkata, idea untuk menternak ikan



Seorang pelanggan, Zaidi Abdul Rahman, 52, membeli ikan keli daripada Rahim.



Rahim membaca posman pelanggannya measured telefon bimbit yang mahu memaparkan ikan keli.

(Alami) secara percuma kepada golongan OKU untuk mengusahakan penernakan ikan.

"Saya menternak ikan tanpa mengetahui seelok-belok penernakan sehingga menyebabkan kira-kira 250 ikan keli dan ikan tilapia yang dipelihara mati, namun ia tidak mematahkan semangat saya.

"Saya mendapati penjagaan ikan tilapia agak rumit dan sensitif berbanding ikan keli, jadi bagi mengelak daripada terpaksa menanggung kerugian, saya mengambil keputusan tidak lagi menternak ikan tilapia," katanya.

Kentenan itu, Rahim menyediakan peruntukan sebanyak RM80 bagi membeli pelet makanan ikan keli untuk stok sehingga tiga bulan bagi 300 ekor ikan yang diternakinya, selain perlu mencuri air ternakan ikan setiap dua hari.

"Hasil ternakan ikan keli peringkat pertama, saya mampu menjual hampir 200 ekor ikan



Rahim mengambil beberapa ekor ikan keli yang dipaman pelanggannya dengan menggunakan penyukat di rumahnya di Kampung Bukit Pangkal Gong, Machang.

keli, iaitu sekitar 15 kilogram kepada penduduk sekitar pada harga RM7 sekilogram.

"Melihat kepada pasaran Jabatan Kebajikan Masyarakat kepada saya untuk mengembangkan ternakan ikan keli ini dan saya merancang menternak ikan patin dalam tempoh terdekat," katanya yang turut menerima bantuan bulanan daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat sebanyak RM450 dan isternya sebanyak RM350. - Bernama

SKIM PEMBIAYAAN MUDAH JAYA (SPiM) penjana
Membantu Usahawan Bumiputera

TUJUAN
Membantu usahawan Bumiputera dalam pebagai sektor kecuali sektor pertanian dan penternakan yang terjejas akibat wabak pandemik COVID-19.

RM 300 juta jumlah peruntukan

FOKUS INDUSTRI

- Perkhidmatan (Kolej Latihan/Institut Kemahiran adalah diberi keutamaan) - (Servicing Industry)
- Gaya hidup (Life Style Industry)
- Makanan dan Minuman (F&B Industry)
- Pembinaan (Construction Industry)
- Automotif (Automotive Industry)

PROGRAM keusahawanan di Mara dengan jelas menyatakan sektor pertanian dan penternakan dikecualikan daripada pembiayaan badan itu.

f t i FOLLOW MARIAM AMANAH RAKYAT DI FACEBOOK, TWITTER DAN INSTAGRAM

www.mara.gov.my

Mara perlu tumpu pertanian

SAUDARA PENGARANG,

MAJLIS Amanah Rakyat (Mara) adalah badan berkanun yang ditubuhkan pada 1 Mac 1966 oleh Parlimen melalui Akta Mara hasil daripada Ketetapan Kongres Ekonomi Bumiputera Pertama pada 1965.

Setelah sekian lama wujud, ramai antara kita yang sudah lupa bahawa Mara dipertanggungjawabkan di bawah aktanya untuk melabur, membangun, memfasilitasi dan mendorong aktiviti perindustrian dan komersial untuk mencapai mandat pembangunan sosioekonomi orang Melayu serta bumiputera di seluruh negara, terutama luar bandar.

Mandat yang luas ini bermaksud Mara juga akan menjalankan aktiviti tersebut dalam sektor pertanian dan penternakan.

Masalahnya, Mara sejak tiga dekad lalu boleh dikatakan leka dalam hal ini. Sebagai contoh, program keusahawanan di Mara jelas menyatakan sektor pertanian dan penternakan adalah dikecualikan daripada pembiayaan mereka.

Apabila Mara menubuhkan Mara Corporation Sdn. Bhd. (Mara Corp.) pada 2016 dan mengumumkan akan fokus dalam aktiviti perindustrian dan komersial, timbul harapan baharu yang Mara akan menjalankan tanggungjawab mereka akhirnya.

Namun, harapan ini gagal dipenuhi malah nyaris punah pada 2019 apabila Majlis Mara mengumumkan hendak menutup Mara Corp. dan menukar mandat asas Mara sendiri.

Nasib baik perancangan itu tidak dilaksanakan. Beberapa bulan kemudian, pengurusan baharu terdiri daripada golongan profesional dilantik. Ini menghidupkan kembali harapan kami untuk melihat orang Melayu dan bumiputera menerajui sektor pertanian dan penternakan.

Kami yakin masanya sudah tiba untuk Mara Corp. sebagai syarikat pelaburan induk Mara dapat melabur dalam program-program

perindustrian dan komersial sektor pertanian dan penternakan berasaskan makanan secara serius dan menyeluruh.

Jika kita lihat kepada sejarah, pembangunan pertanian di Malaysia mendapat komitmen yang tinggi oleh kerajaan sejak merdeka. Namun, pada 1980-an, Malaysia sibuk dalam strategi untuk mencapai status negara maju melalui penerapan sektor pembuatan dan mempromosikan perindustrian. Salah satu implikasinya ialah peminggiran sektor pertanian secara mendadak.

Pandemik Covid-19 memberi kesedaran kepada kita tentang kepentingan kecukupan tahap sara diri (SSL) 100 peratus dalam penghasilan makanan negara apabila larangan eksport antarabangsa dikenakan dan rantaian logistik tempatan dan dunia terputus.

Umat Islam di Malaysia pula seolah-olah baru tersedar oleh pembongkaran sindiket kartel daging import dan entah berapa banyak lagi skandal makanan yang pernah kita dengar seperti ayam tidak sembelih.

Harus diakui, umat Islam cukup lemah dalam hal bekalan dan pasaran bahan makanan halal dalam negara sendiri walaupun majoriti petani, penternak dan nelayan di negara ini ialah orang Melayu.

Hal ini tidak pelik kerana semua orang tahu dalam sistem rantaian bekalan makanan, pihak yang mengeluarkan makanan duduk paling bawah dalam rantaian bekalan dan bukan pihak yang akan menguasai industri.

Oleh itu, Mara tidak boleh mengecualikan diri dari sektor pertanian dan penternakan. Ia harus memperkasakan petani, penternak dan nelayan bumiputera dan memastikan umat Islam mengawal industri bekalan makanan negara termasuk pengimportan makanan.

FITRI AMIR

Setiasaha Agung IDRIS Association



Saya merintis tanaman terung selepas Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPB) kira-kira lima bulan lalu dengan menanam benih terung dalam 1,021 polybeg berasaskan kaedah fertigasi di kawasan berdekatan rumah seluas 0.1 hektar."

MOHD ALI SAIFUDDIN



MOHD ALI SAIFUDDIN Samad (duduk, kanan) memetik hasil sambil dilihat oleh pengunjung ke kawasan tanaman terung fertigasi di Kampung Labu, Jerantut

Jana rezeki hasil terung ferti



DERETAN pokok terung berasaskan tanaman kaedah fertigasi hasil usaha Mohd Ali Saifuddin Samad bersedia untuk dipetik dan dipasarkan di Kampung Labu, Jerantut.

Oleh HARIS FADILAH AHMAD
gayautusan@mediamuka.com.my

MUSIBAH pandemik Covid-19 yang masih belum berpuhujung di samping terbatasnya pergerakan apabila penguat kuasa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dan tempoh pemulihan sehingga ini mendorong penduduk lebih banyak berinovasi dalam bidang pertanian untuk mencari sumber pendapatan dan keperluan dapur.

Pertanian adalah satu perniagaan antara slogan yang menip semangat dan usaha penduduk yang tertekan dalam tempoh PKP. Demikian juga bagi mereka yang kehilangan pekerjaan dengan harapan dapat mengubah nasib walaupun berkebul di halaman atau belakang rumah.

Seorang petani di Kampung Labu, Mukim Tembeling Tengah, Jerantut, Mohd. Ali Saifuddin Samad, 49, memilih terung (*Solanum melongena* Linn) sebagai tanaman. Beliau adalah antara

kelompok petani di bawah kluster utama fertigasi program Skim Amalan Pertanian Baik Malaysia (myGAP) sejak Julai tahun lalu. Kini sudah boleh menarik nafas lega kerana tuaiannya sudah mula memberi pulangan.

Kesungguhan Mohd. Ali Saifuddin yang sebelum ini tidak mempunyai kemahiran bertani berasaskan kaedah fertigasi ternyata berbaloi. Setakat ini, sudah tiga kali tanamannya dituai selain sudah menembusi pasaran di Pasar Selayang dan bandar Jerantut.

"Saya merintis tanaman terung selepas Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPB) kira-kira lima bulan lalu dengan menanam benih terung dalam 1,021 polybeg berasaskan kaedah fertigasi di kawasan berdekatan rumah seluas 0.1 hektar.

"Saya membelanjakan wang simpanan sebanyak RM5,000 untuk membeli polybeg, peralatan tanaman (pertanian) dan kos baja pada peringkat awal," katanya di Kampung Labu, Jerantut.

Kini Mohd. Ali Saifuddin dan



i. Pahang.



MOHD ALI SAIFUDDIN dan isteri, Norazimah bersama terung yang dipetik berdekatan rumah mereka di Kampung Labu, Jerantut.



TERUNG yang siap dipetik diisi dalam bekas untuk pasaran di Pasar Selayang, Kuala Lumpur dan bandar Jerantut.

isterinya, Norazimah Abdullah Sidek, 38, makin komited mengusahakan tanaman tersebut walaupun pada awal pembabitannya kurang yakin akan hasilnya.

Dalam masa sama, beliau mempelajari daripada rakan petani lain selain mula 'celik' mengenai pengurusan selepas mengikuti kursus Skim Amalan

Pertanian Baik Malaysia (myGAP) anjuran Jabatan Pertanian.

"Saya berdepan masalah kos kerana terung yang ditanam secara fertigasi agak sukar pengurusan tanamannya. Ia memerlukan baja yang secukupnya berbanding ditanam di batas tanah," katanya.

Tuaian sulung 700kg

MOHD. Ali Saifuddin berkata, dengan bantuan lima orang anak secara bergilir-gilir mengurus tanaman itu, selepas empat bulan terung dikira matang dan boleh dipasarkan.

Katanya, tuaian hasil yang pertama kira-kira 700 kilogram (kg) oleh pemborong dari Pasar Selayang yang membeli terung dengan harga RM4 sekilogram mendorongnya lebih kuat berusaha meneruskan tanaman ini.

"Saya juga menghantar hasil ini ke pasar dan kedai runcit di bandar Jerantut dengan harga RM5 sekilogram," katanya.

Mengulas lanjut, pada Disember lalu hasil tuaian ke 900 hingga 1,000kg.

"Pada bulan ini saya sudah memetik terung sebanyak empat pusingan melibatkan hasil 2,000kg dan dipasarkan ke Lembah Kelang dan bandar Jerantut.

Bagi Norazimah, suaminya mencuba nasib di bidang fertigasi selepas kehidupan mereka tertekan dalam tempoh PKP.

"Dalam tempoh itu, kami kehilangan pendapatan kerana tidak dapat mengambil upah di kebun sawit selain mempunyai ramai tanggungan," jelasnya.

"Saya bersyukur kerana usaha kami berhasil dan kini mula mencongak

untuk tanaman lain seperti cili kulai di samping mengekalkan tanaman terung," katanya.

Sementara itu, Penghulu Mukim Tembeling Tengah, Zulkeffly Zaidun Zabir berkata, Mohd. Ali Saifuddin adalah antara 33 petani di mukim tersebut yang terlibat dengan kluster program Amalan Pertanian Baik (myGAP) di bawah pemantauan Jabatan Pertanian dan Pejabat Penghulu Mukim itu.

Beliau berkata, petani lain terlibat dengan program myGAP, iaitu kumpulan (pekebun) perintis yang paling ramai iaitu di Felda Sungai Retang dan selebihnya di kampung tradisional pesisir Sungai Tembeling, iaitu Kampung Labu, Kampung Gol.

Projek nangka madu dan lembu pula dijalankan di Kampung Lubuk Payung di bawah Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Tembeling Tengah.

"Program ini di bawah khidmat nasihat Jabatan Pertanian manakala pengurusan Felda Sungai Retang menyediakan kemudahan kawasan tanaman dan logistik tertentu untuk pekebun myGAP yang terdiri daripada kalangan generasi kedua anak peneroka," ujarnya.



MOHD ALI SAIFUDDIN menunjukkan terung yang sudah boleh dijual di kebun fertigasinya.

gasi



“...terung yang ditanam secara fertigasi agak sukar pengurusan tanamannya. Ia memerlukan baja yang secukupnya berbanding ditanam di batas tanah.”

NORAZIMAH ABDULLAH SIDEK